

# Sejarah Parlimen Malaysia

Menurut *Kamus Dewan Perdana*, Parlimen merujuk majlis atau dewan tertinggi yang bertanggungjawab menggubal undang-undang dan juga membincangkan perkara yang berkaitan dengan rakyat. Perlembagaan Persekutuan pada Bahagian IV, Bab 4, Perkara 44 pula menjelaskan bahawa Parlimen terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong dan dua Majlis Parlimen yang dikenali sebagai Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Parlimen ialah simbol kedaulatan perlembagaan yang menjadi tunjang kepada pentadbiran negara.

Sistem Parlimen bermula pada sekitar tahun 1867 apabila Majlis Perundangan Negeri-Negeri Selat ditubuhkan berikutan perpindahan pentadbiran Negeri-Negeri Selat, iaitu Pulau Pinang, Singapura dan Melaka dari Syarikat Hindia Timur Inggeris ke Pejabat Kolonial British. Majlis Perundangan ini berperanan untuk membahaskan dan membincangkan perkara mengenai pentadbiran seperti yang dijalankan oleh Parlimen Britain.

Bagi negeri-negeri Melayu yang lain, iaitu Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang terdiri daripada Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan, Majlis Perundangan atau Majlis Mesyuarat diwujudkan pada peringkat negeri sahaja. Majlis Mesyuarat ini melibatkan sultan, Residen British dan beberapa lagi ahli yang dipilih. Majlis Mesyuarat ini berperanan seperti Dewan Undangan Negeri pada hari ini. Pada tahun 1909, Majlis Mesyuarat Persekutuan dibentuk dengan melibatkan negeri-negeri ini bagi menyeragamkan pentadbiran badan legislatif. Majlis Mesyuarat ini bersidang di Kuala Lumpur dengan keahliannya terdiri daripada kesemua sultan dan Residen British di keempat-empat buah negeri tersebut dengan Sir Frank Swettenham, Pesuruhjaya Tinggi British menjadi pengerusinya.

Majlis mesyuarat ini kemudian berevolusi dan melalui beberapa fasa perubahan hinggalah pada tahun 1948, Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan ditubuhkan ekoran termeterainya Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Pada 2 September 1953, Istiadat Pelantikan Speaker Pertama, Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan diadakan di Dewan Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan, Kuala Lumpur. Pada istiadat ini, YBhg. Dato' Sir Mahmud Mat, Dato' Setia Wangsa Pahang dilantik menggalas jawatan ini. Majlis Mesyuarat yang juga dikenali sebagai

Parlimen ini dikekalkan hingga sekarang, namun perubahan masih berlaku dari semasa ke semasa seperti jumlah keahlian dan lokasi persidangan.

## Keanggotaan Parlimen

Keanggotaan Parlimen terdiri daripada tiga komponen, iaitu keanggotaan tertinggi ialah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya ialah Dewan Negara dan akhir sekali ialah Dewan Rakyat. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merupakan komponen utama Parlimen Malaysia. Diperuntukkan dalam perkara 44 Perlembagaan Persekutuan. Bagi Dewan Negara, keahliannya adalah seperti yang berikut:

- dua orang ahli bagi setiap negeri hendaklah dipilih mengikut Jadual Ketujuh; dan
- dua orang ahli bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, seorang ahli bagi Wilayah Persekutuan Labuan dan seorang ahli bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong; dan
- empat puluh orang ahli hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

Secara keseluruhannya, jumlah ahli Dewan Negara ialah sebanyak **70 orang** dengan 26 orang ahli dipilih oleh Dewan Undangan Negeri dan 44 orang ahli yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri termasuklah dua orang ahli dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan satu ahli masing-masing dari Wilayah Persekutuan Labuan dan Putrajaya. Keahlian Dewan Rakyat pula terdiri daripada 222 orang ahli yang dipilih menerusi pilihan raya yang diadakan pada setiap lima tahun sekali.

## Fungsi Parlimen

Parlimen mempunyai peranan yang penting seperti yang berikut:

- meluluskan undang-undang persekutuan;
- meminda undang-undang persekutuan sedia ada;
- memeriksa dasar Kerajaan;
- meluluskan bajet Kerajaan; dan
- meluluskan cadangan cukai yang baharu.

Meskipun Parlimen mempunyai kuasa untuk meminda Perlembagaan, namun tertakluk pada tiga syarat, iaitu:

- sebahagian besar pindaan hanya boleh diluluskan dengan sokongan majoriti dua pertiga dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara;
- dalam hal-hal tertentu, syarat pertama tidak memadai kerana mesti diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja; dan
- pindaan yang menyentuh kepentingan Sabah dan Sarawak perlu dipersetujui oleh Yang di-Pertua Negeri.

## Bangunan Parlimen

Bagi membolehkan persidangan dilakukan, satu lokasi haruslah dipilih dan ditetapkan. Sebagaimana yang kita lihat pada hari ini, bangunan Parlimen bukan sahaja menjadi mercu tanda Kuala Lumpur, tetapi juga kebanggaan negara. Namun begitu, sebelum adanya bangunan Parlimen, persidangan Parlimen dijalankan di Dewan Tunku Abdul Rahman yang terletak di Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Dewan ini melaksanakan pelbagai fungsi dan tidak terhad kepada urusan Parlimen sahaja. Almarhum YTM Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, mantan Perdana Menteri kemudian mencadangkan agar satu bangunan khusus dibina sebagai bangunan Parlimen. Cadangan ini diluluskan dan pembinaan kompleks bangunan ini dijalankan dengan kos sebanyak \$18 juta. Kompleks Bangunan Parlimen ini siap sepenuhnya dan dirasmikan oleh DYMM Tuanku Syed Putra ibni Syed Hassan Jamalullail, Yang di-Pertuan Agong pada 2 November 1963.

Kompleks ini terdiri daripada dua blok bangunan, iaitu blok utama dan blok menara. Blok utama dibina setinggi tiga tingkat yang di dalamnya terletak dewan bankuet dan bilik diraja di tingkat bawah. Dewan Rakyat, Dewan Negara serta bilik Yang di-Pertua Dewan dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan terletak di tingkat satu. Di tingkat dua pula terletak bilik untuk menteri dan bilik mesyuarat. Blok menara terletak di hadapan blok utama. Blok setinggi 17 tingkat ini bersambung dengan blok utama melalui dua buah jambat bertutup. Di blok ini terletak pejabat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Ketua Pembangkang serta sebahagian besar pejabat kakitangan Parlimen.

Kesimpulannya, Parlimen merupakan satu institusi yang penting di Malaysia. Kesucian institusi ini haruslah dipelihara bagi memastikan sistem pentadbiran demokrasi berparlimen dapat dilaksanakan dengan adil dan saksama. Parlimen ialah simbol kedaulatan negara dan setiap daripada kita mempunyai tanggungjawab untuk melindunginya.

\*Untuk mengetahui perkara ini dengan lebih lanjut, carian maklumat bolehlah dibuat melalui <https://ofa.arkib.gov.my> dan <http://hids.arkib.gov.my>.





Bangunan Dewan Tunku Abdul Rahman merupakan tempat bagi mesyuarat penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan pada Februari 1948 dan bangunan Parlimen Persekutuan Tanah Melayu yang pertama mulai 11 September 1959 hingga pembukaan bangunan baharu Parlimen pada penghujung tahun 1963. (Sumber: Arkib Negara Malaysia, No. Penerimaan: 2001/0025284).



Pembukaan persidangan Dewan Perundangan oleh DYMM Tunku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad, Yang di-Pertuan Agong yang pertama, pada 3 September 1957. (Sumber: Arkib Negara Malaysia, No. Penerimaan: 2001/0026702).



DYMM Tuanku Syed Putra Ibni Syed Hassan Jamalullail bertitah di hadapan 1,000 hadirin sebelum merasmikan bangunan baharu Parlimen Malaysia, pada 2 November 1963. (Sumber: Arkib Negara Malaysia, No. Penerimaan: 2001/0024463).